

SOALAN NO. 406

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

Tuan Hee Loy Sian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kajian untuk menaikkan bantuan bulanan Orang Kurang Upaya (OKU) daripada RM300 ke RM600 terutama di bandar raya kerana berhadapan dengan kos sara hidup yang amat tinggi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin akan cabaran hidup golongan yang kurang berkemampuan, Orang Kurang Upaya dan mereka yang memerlukan. Dalam hal ini, golongan tersebut layak diberikan bantuan kebajikan bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah bersetuju untuk menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350 sebulan iaitu peningkatan sebanyak **16.6%**. Manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan iaitu peningkatan sebanyak **33.3%** berkuatkuasa mulai Januari 2015. Kenaikan kadar dua skim ini melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta dan memberi manfaat kepada

122,938 orang. Buat masa ini, pihak Kementerian akan mengguna pakai kadar tersebut. Walau bagaimanapun cadangan kenaikan kadar bantuan terutama bagi OKU yang tinggal di kawasan bandar akan diambil perhatian dan diteliti dari semasa ke semasa.

**NO. SOALAN: 407**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10135**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan Kementerian menjalankan operasi besar-besaran terhadap Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang gagal mendapat e-Kad :-**

(a) jumlah PATI yang ditangkap sejak operasi itu dimulakan; dan

(b) kesan terhadap ekonomi terutama dalam bidang pembinaan, perladangan dan juga perkhidmatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Imigresen telah menjalankan 'Ops Mega JIM' bermula 1 Julai 2017 bagi menangkap dan menahan majikan dan PATI yang enggan berdaftar di dalam Program E-Kad. Sehingga 13 Julai 2017, sebanyak 624 premis telah diperiksa dan sebanyak 10,569 orang telah diperiksa. Manakala seramai 3,386 orang PATI telah ditangkap dan 68 orang majikan telah ditahan untuk siasatan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN : 408**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) jumlah saman yang telah dikeluarkan melalui Sistem Pengesanan Kenderaan Automatik (AVDS) dan Sistem Kesedaran Keselamatan Automatik (AWAS) sejak ianya mula dilaksanakan; dan
- (b) berapakah jumlah pemandu yang telah digantung lesen seperti mana kesalahan di atas.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan melalui sistem AwAS sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 15 April 2017 sehingga 30 Julai 2017 adalah sebanyak 170,145 notis saman. Pengguna yang dikenakan mata demerit adalah sebanyak 9,593 orang dan belum ada pemandu yang lessen memandunya digantung atau dibatalkan.

NO. SOALAN : 409

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap perselisihan Qatar dan Arab Saudi dan peranan Malaysia untuk menyelesaikan konflik ini.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang rapat dengan Malaysia. Kerajaan mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.

**SOALAN NO. 410****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan pelantikan Pegawai Pembantu Pendaftar (ARO) SPR untuk menguruskan pendaftaran pemilih baru di Parlimen Petaling Jaya Selatan (DUN Taman Mendan dan DUN Bukit Gasing) memandangkan kawasan ini tidak mempunyai Ketua Kampung JKKK.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Telah mencapai umur 21 tahun;
- (c) Telah mendaftar sebagai pemilih;
- (d) Boleh membaca, menulis serta fasih bercakap dalam bahasa Malaysia;
- (e) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; dan
- (f) Tidak pernah dibatalkan pelantikannya sebagai Penolong Pendaftar Pemilih oleh mana-mana Pendaftar Negeri kerana melanggar apa-apa syarat pelantikan yang ditentukan oleh SPR.

Walaupun bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk melaksanakan urusan pendaftaran pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekiranya terdapat individu yang berhasrat untuk melaksanakan urusan pendaftaran pemilih di Pejabat Pos, penduduk di bahagian pilihan raya Parlimen Petaling Jaya Selatan boleh hadir di cawangan Pejabat Pos yang terletak di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Sekian, terima kasih.